

# Mulai sekarang KEAT jadi projek ASEAN — PM

3 - MAR 1991

JAKARTA 2 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (KEAT) mulai sekarang akan menjadi projek ASEAN, bukan lagi projek Malaysia sahaja.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, KEAT tidak akan menjadi satu kumpulan ekonomi yang ketat seperti Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan American - Canadian Union. Anggota KEAT masih bebas melakukan hubungan dagangan secara bersendirian.

Dato' Sri Dr. Mahathir dalam sidang akhbarinya hari ini menyatakan KEAT bertujuan untuk mempertahankan sistem ekonomi bebas dan menentang segala bentuk sekatan dagangan yang sedang dan akan dilakukan oleh kumpulan ekonomi atau negara - negara lain terutama di benua Amerika dan Eropah.

"Kita hanya mahu membentuk satu kumpulan yang membolehkan perbincangan diadakan sebelum kita menghadapi rundingan GATT, rundingan "Uruguay Round" dan lain-lain forum antarabangsa yang membincangkan soal dagangan dan ekonomi.

"Bukan untuk menubuhkan satu kesatuan ekonomi untuk negara - negara Asia Timur ataupun mengadakan sekatan perdagangan. Tujuan kita untuk memperjuangkan sistem dagangan bebas.

"Saya percaya kalau konsep ini diterima oleh negara - negara Asia Timur seperti ASEAN sudah menerimanya, maka kita dapat adakan satu badan yang membolehkan kita mengadakan rundingan secara tersusun bila perlu dan kita akan lebih dihormati bila berbincang dengan pihak Eropah dan Amerika dalam GATT atau perbincangan - perbincangan lain," kata Perdana Menteri.

Menyentuh mengenai langkah - langkah yang akan diambil untuk mendapatkan sokongan dari negara - negara Asia Timur di luar ASEAN ke atas KEAT, Perdana Menteri berkata perbincangan secara formal dengan para pemimpin belum diadakan.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, beliau akan mengutarakan perkara itu jika berkesempatan bertemu dengan para pemimpin negara - negara tersebut. Sebagai contoh beliau mengambil kesempatan mengutarakan mengenai konsep KEAT ketika Perdana Menteri China, Li Peng dan Timbalan Perdana Menteri Vietnam berkunjung ke Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, walaupun mereka tidak memberikan respon secara tepat tetapi beliau berpendapat mereka tidak membangkang atau menolak perkara itu dan kemungkinan untuk menyokong adalah positif.

Perdana Menteri seterusnya menyatakan beliau sedang cuba menyelidik pendirian pihak Jepun yang belum memberi respon positif.

Menurut Perdana Menteri, Jepun sebagai satu - satunya negara Asia yang menyertai Kumpulan G-7

**LIHAT MUKA 12**

## KEAT Jadi projek ASEAN

UM 3 - MAR 1991  
boleh memainkan peranan utama dalam menyuarakan pendapat negara - negara rantau Asia Timur.

Dato' Sri Dr. Mahathir seterusnya menyatakan KEAT akan dibincangkan lebih lanjut di mesyuarat peringkat pegawai - pegawai tinggi ASEAN pertengahan bulan ini yang akan berlangsung di Bandung dan Kuala Lumpur.

Menyentuh isu Pulau Spratley, Perdana Menteri menegaskan Malaysia tidak pernah membuat tuntutan ke atas kepulauan tersebut.

Bagaimanapun menurut beliau, Malaysia masih

berhak ke atas hasil perikanan dan hasil bumi (jika ada) di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ).

Menyentuh mengenai projek pembangunan Batam/ Singapura/ Johor, Dato' Sri Dr. Mahathir menafikan Malaysia tidak menyokongnya. Menurut Perdana Menteri, pada peringkat sekarang perbincangan diadakan di peringkat negeri dan tidak lama lagi akan diadakan perbincangan rasmi di antara tiga negara yang terlibat.

Selepas sidang akhbar Perdana Menteri berlepas ke Bali.

Pagi esok beliau menghadiri upacara perasmian 75 hotel dan kemudahan pelancongan di Bali yang akan dilakukan oleh Presiden Soeharto. Di sebelah petang Perdana Menteri akan menghadiri pembukaan persidangan antarabangsa yang diselenggarakan oleh Asia Society.

Pada hari Isnin, Dato' Sri Dr. Mahathir akan menyampaikan pidato di depan peserta persidangan sementara di sebelah malamnya akan menghadiri majlis makan malam yang diberi oleh Presiden Soeharto.

Pada pagi Selasa, Perdana Menteri dan rombongan akan berlepas ke Pulau Batam bagi menyaksikan perkembangan projek pembangunan di sana.